



Kesan Perang Pembersihan Etnik di Gaza Pada Oktober 2023 Terhadap Sokongan Kepada Israel Dalam Politik Domestik di Amerika Syarikat

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Pengenalan

Perang Israel ke atas Palestin telah bermula sejak tahun 1948 di mana pembersihan etnik telah berlaku secara besar-besaran, kampung-kampung dibakar, dan kebanyakan populasi peribumi Palestin telah dihalau ke luar menjadi pelarian.¹ Sejak dari itu, Israel tidak pernah berhenti dari percubaannya untuk membersihkan Palestin dari kaum Arab, membunuh mereka, dan juga merampas tanah-tanah mereka. Israel merupakan kuasa ketenteraan ke-18 terkuat di dunia.² Israel juga mendapat bantuan berbillion dollar setiap tahun dari segi ketenteraan dari kuasa ketenteraan nombor satu di dunia iaitu Amerika Syarikat.

Israel begitu yakin dengan kekuatan ketenteraannya dan merasakan mereka telah berjaya mengalahkan kaum peribumi Palestin. Walaupun setelah sekian lama ditindas, bangsa Palestin tidak pernah menyerah kalah. Pada 07 Oktober 2023, pejuang pembebasan Palestin dari pergerakan Hamas telah berjaya menembusi tembok-tembok kolonial Israel dan melakukan operasi ketenteraan yang dipanggil “*Al-Aqsa Flood*”. Serangan pembebasan ini telah menunjukkan kepada dunia bahawa Israel bukanlah kuasa yang hebat seperti yang disangka. Israel telah mendapat kemaluan yang besar dari serangan ini kerana ramai anggota tenteranya yang terbunuh, malah ramai yang berjaya ditangkap dan menjadi tawanan perang oleh Hamas.

Untuk menutup kemaluan besar hasil kegagalan perisikan dan ketenteraan mereka, Israel telah memulakan serangan ganas pengeboman dari utara sebagai usaha pembersihan etnik besar-besaran terhadap penduduk awam di Gaza. Ketika artikel ini ditulis, Israel telah membunuh dengan kejam sejumlah 15,200 rakyat awam di Gaza di mana 70% darinya adalah wanita dan kanak-kanak.³ Pembunuhan besar-besaran ini telah memburukkan nama Israel di mata antarabangsa dengan banyak negara memutuskan hubungan diplomatik mereka dengan

¹ Pembersihan etnik ini telah didokumentasikan oleh ahli sejarah Israel dengan begitu teliti dan terperinci. Militia Yahudi pada tahun 1948 yang diketuai oleh Ben Gurion mempunyai perancangan teliti untuk membersihkan Palestin dalam rancangan yang dipanggil Rancangan Dalet (Plan D). Mereka telah mengumpul data setiap kampung untuk dibersihkan dalam data yang dipanggil “Village Files”. Rujuk tulisan Ilan Pappé, *The Ethnic Cleansing of Palestine*. Oneworld Publications, 2006.

² Israel menduduki tempat ke-18 dalam *ranking* yang dikeluarkan oleh Global Fire Power Annual Ranking 2023 dengan PowerIndex sebanyak 0.2757. Tempat pertama adalah Amerika Syarikat (0.0712), Rusia di tangga ke-2 (0.0714), dan China di tangga ke-3 (0.0722). Rujuk laman web Global Fire Power Index, *2023 Military Strength Ranking*, pautan: <https://www.globalfirepower.com/countries-listing.php> Kajian yang dibuat oleh Universiti Warsaw pada tahun 2020 meletakkan Israel di tempat yang ke-29, rujuk Lukasz Kiczma dan Sulek Miroslaw. "National power rankings of countries 2020." *Oficyna Wydawnicza ASPRA-JR*, Warszawa (2020).

³ Saskia O'Donoghue. *Israel-Hamas war: Death toll surpasses 15,000 and new truce deemed 'unlikely' as talks break down*. Euro News, 02 Disember 2023. Pautan: <https://www.euronews.com/2023/12/02/israel-hamas-war-israeli-bombing-of-gaza-intensifies-as-truce-comes-to-an-end>

Israel dan menarik semula duta mereka.⁴ Dalam penulisan kali ini, saya ingin mengkaji kesan perang pembersihan etnik yang dilakukan Israel di Gaza ini terhadap sokongannya dalam politik domestik di Amerika Syarikat. Saya akan meninjau bagaimana reaksi awal pemimpin Amerika Syarikat terhadap perang ini berubah apabila tekanan-tekanan domestik mula dirasai. Penulisan ini turut akan meninjau perubahan dan reaksi yang berlaku dalam kalangan rakyat di Amerika Syarikat. Bagaimana desakan, tekanan, dan kempen anti-perang mereka membawa kepada perubahan retorik pemimpin di Amerika Syarikat.

Perubahan Reaksi dan Retorik Amerika Syarikat

Pada peringkat permulaan, reaksi Amerika Syarikat adalah reaksi tipikal sebagai sekutu kuat Israel. Para pemimpinnya semuanya menjadi burung kakak tua dan mengulangi ayat *"Israel has the right to defend itself"*. Ayat yang sama juga diulang-ulang secara distopia oleh pemimpin-pemimpin Eropah termasuklah di Britain, Perancis, Jerman, dan lain-lain. Hampir semua pemimpin hipokrit Eropah ini menolak bulat-bulat sebarang cadangan genjatan senjata pada peringkat awal Perang Oktober 2023.

Namun reaksi dan retorik pemimpin-pemimpin hipokrit ini akhirnya berubah. Sebagai contoh, Lloyd Austin yang merupakan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat pada 2 Disember 2023 mengancam Israel bakal menghadapi "kekalahan strategik" jika mereka berterusan membunuh dengan kejam kanak-kanak, wanita, dan masyarakat awam di Gaza.⁵ Namun ucapan Austin ini mestilah difahami sebagai reaksi daripada tekanan domestik yang dihadapi oleh Amerika Syarikat dan bukanlah sebagai satu kenyataan ikhlas yang bersimpati dengan nasib masyarakat awam di Palestin. Ia hanya merupakan kenyataan untuk meredakan tekanan yang dihadapi oleh mereka dari masyarakat domestik.

Jika Amerika Syarikat benar-benar mahu menyelamatkan nyawa masyarakat awam Palestin, mereka tidak akan membekalkan senjata moden bagi membolehkan Israel melakukan kekejaman itu sejak awal lagi. Perang ke atas Palestin sebenarnya bukanlah perang Israel ke atas Palestin sahaja, ia juga adalah perang Amerika Syarikat ke atas Palestin. Bom dan peluru yang membunuh rakyat Palestin adalah bom dan peluru yang dihasilkan oleh Amerika Syarikat dan dibekalkan setiap hari kepada Israel semasa perang berlangsung. Menurut laporan Wall Street Journal, sejak 07 Oktober 2023, Amerika Syarikat membekalkan 57,000 *artillery shells* dan 15,000 bom termasuk lebih 5,000 *warheads* seberat 2,000-pound kepada Israel.⁶ Untuk memahami perubahan reaksi dan retorik ini, kita perlu meninjau tekanan domestik yang ada di Amerika Syarikat.

Dari Genocide Joe Kepada #AbandonBiden

Pada peringkat awal Perang Oktober 2023, Amerika Syarikat melihat protes besar-besaran di seluruh negara mereka. Lebih 10,000 rakyat Amerika Syarikat berdemonstrasi menentang perang di Washington, manakala di New York, demonstrasi telah dikoordinasikan oleh kumpulan Jewish Voice for Peace.⁷ Ini adalah sebahagian

⁴ Hubungan antarabangsa Israel terjejas teruk hasil dari pembersihan etnik kejam yang dilakukan mereka pada bulan Oktober 2023. Antara negara awal yang memutuskan hubungan dengan Israel adalah Bolivia, manakala negara-negara yang menarik semula duta mereka termasuklah Chile, Colombia, Jordan, Turki, Chad, dan Afrika Selatan. Rujuk tulisan Syed Ahmad Fathi, "Kesan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Israel Pada Perang Oktober 2023 Di Gaza Terhadap Hubungan Diplomatiknya Dengan Negara-Negara Lain." *Kajian Hubungan Antarabangsa*, 2023. Pautan: https://www.academia.edu/109053415/Kesan_Jenayah_Yang_Dilakukan_Oleh_Israel_Pada_Perang_Oktober_2023_di_Gaza_Terdap_Hubungan_Diplomatiknya_Dengan_Negara_Negara_Lain

⁵ Ucapan Lloyd Austin ini adalah semasa Reagan National Defense Forum di Simi Valley, California. Rujuk Lauren Irwin, "Israel risks 'strategic defeat' if civilians aren't protected, Pentagon chief says". *The Hill*, 02 Disember 2023. Pautan: <https://thehill.com/policy/defense/4339335-lloyd-austin-israel-risks-defeat-if-civilians-not-protected/>

⁶ Antara jenis senjata yang dibekalkan adalah 5,000 MK82, 5,400 MK84 2,000-pound *warhead*, 1,000 GBU-39, dan 3,000 JDAM. Laporan penuh perihal senjata yang dibekalkan oleh Amerika Syarikat kepada Israel boleh dirujuk dalam tulisan Kyle Anzalone, "US Sent Israel 15,000 Bombs Since October 7", *Anti War*, 01 Disember 2023. Pautan: <https://news.antiwar.com/2023/12/01/us-sent-israel-15000-bombs-since-october-7/>

⁷ Untuk memahami reaksi awal rakyat Amerika Syarikat terhadap perang pembersihan etnik yang dilakukan regim zionis yang rasis ke atas rakyat awam di Gaza, rujuk Syed Ahmad Fathi, "Kesan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Israel Pada Perang Oktober 2023 Di Gaza Terhadap Hubungan Diplomatiknya Dengan Negara-Negara Lain." *Kajian Hubungan Antarabangsa*, 2023.

contoh dari pelbagai protes lain yang telah meletus di bandar-bandar utama di Amerika Syarikat. Malah di peringkat awal, ahli pentadbiran Amerika Syarikat sendiri telah menentang sokongan ketenteraan Amerika Syarikat terhadap Israel yang bersifat *genocidal* (pembersihan etnik). Ini dapat dilihat dari perletakan jawatan Josh Paul di mana beliau mengkritik polisi bantuan persenjataan Amerika Syarikat kepada Israel.⁸

Apabila Presiden Joe Biden berulang kali menolak cadangan genjatan senjata, demonstran telah memberikan beliau nama baharu iaitu Genocide Joe.⁹ Hal ini kerana, Biden bukan sahaja bersubahat dalam pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin, beliau dan juga Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Anthony Blinken, terlibat secara langsung dalam pembunuhan beramai-ramai ini. Dalam kata lain, Biden dan Blinken boleh dikatakan sebagai penjenayah perang yang telah secara aktif membunuh lebih 15,000 rakyat Palestin yang kebanyakannya adalah wanita dan kanak-kanak.

Blinken sendiri lahir dalam keluarga zionis yang merupakan penyokong kuat Israel. Atuknya Maurice Blinken merupakan seorang yahudi dari Hungary yang telah menubuhkan American Palestine Institute selepas perang dunia ke-2, atuknya telah meyakinkan kerajaan Amerika Syarikat untuk menubuhkan negara buat orang yahudi. Dalam ucapannya di dalam majlis yang dianjurkan oleh American Israel Public Affairs Committee (AIPAC), iaitu sebuah badan lobi utama Israel di Amerika Syarikat, Anthony Blinken dengan bangganya memuji sumbangan Amerika Syarikat terhadap Israel. Ini termasuklah 3.3 billion bantuan kewangan tahunan, 500 juta dollar bantuan untuk roket perang, dan juga 1 billion dollar bagi memastikan bekalan sistem Iron Dome Israel mencukupi.¹⁰ Oleh itu tidak hairanlah mengapa Blinken tidak begitu kisah dengan ribuan kanak-kanak yang dibunuh oleh tentera zalim Israel. Mereka yang berharap Blinken akan membantu perjuangan Palestin adalah naif.

Polisi *genocide* yang diamalkan Biden dan Blinken ini telah menyebabkan rakyat Amerika Syarikat semakin marah. Daripada demonstrasi-demonstrasi yang melaungkan slogan “*Genocide Joe has got to go*” yang dianjurkan secara berasingan di bandar-bandar utama, kini rakyat Amerika Syarikat telah bergerak dengan lebih tersusun dan teratur dengan kempen yang lebih spesifik.

Antara kempen peringkat kebangsaan yang telah dilancarkan adalah kempen #AbandonBiden yang dilancarkan di Dearborn, Michigan oleh pemimpin-pemimpin Muslim di Amerika Syarikat pada 12 Disember 2023. Kempen ini dilaksanakan bagi memastikan Presiden “Genocide” Joe Biden kalah pada pilihanraya semula yang bakal berlangsung pada tahun 2024. Kempen ini dianjurkan di beberapa negeri yang dipanggil “*swing-state*” di mana undi dari masyarakat Arab dan Muslim akan menentukan calon mana yang dapat memenangi pilihanraya. Negeri-negeri ini adalah Michigan, Minnesota, Arizona, Wisconsin, Florida, Georgia, Nevada dan Pennsylvania. Jika kempen ini berjaya, Genocide Joe hanya dapat menjadi presiden bagi satu penggal sahaja.

Kempen yang telah diadakan oleh masyarakat Arab dan Muslim ini akan mencabar kebolehan Genocide Joe dalam pilihanraya pada tahun 2024, negeri-negeri *swing-state* ini mempunyai banyak blok yang dikuasai pengundi Arab dan Muslim. Populasi Arab Muslim di Amerika Syarikat kini mencecah 3.45 juta orang, menurut Arab American Institute, pada pilihanraya 2020, 59% pengundi Arab Muslim telah memilih Biden sebagai presiden.¹¹

⁸ Syed Ahmad Fathi. “Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza.” *Isu Semasa*, 2023. Pautan:

https://www.academia.edu/108765537/Josh_Paul_Meletakkan_Jawatan_Kerana_Tidak_Mahu_Amerika_Syarikat_Menghantar_Senjata_Ke_Israel_Bagi_Membunuh_Rakyat_Gaza

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Antara individu lain yang disenaraikan dalam senarai yahudi paling berpengaruh oleh The Jerusalem Post termasuklah Janet Yellen, Setiausaha Pembendaharaan Amerika Syarikat, dan Mark Zuckerberg, CEO Meta yang memiliki Facebook, rujuk artikel “Anthony Blinken 3rd most influential Jew in the World, Zelensky dropped from the list”, *Helsinki Times*, 26 Oktober 2023. Pautan: <https://www.helsinkitimes.fi/world-int/24380-anthony-blinken-3rd-most-influential-jew-in-the-world-zelensky-dropped-from-the-list.html>

¹¹ Myah Ward. “Swing-state Muslim leaders launch campaign to ‘abandon’ Biden in 2024”. *Politico*, 02 Disember 2023. Pautan: <https://www.politico.com/news/2023/12/02/swing-state-muslim-leaders-biden-00129758>

Menurut Hassan Abdel Salam yang merupakan Professor di Universiti Minnesota dan ahli Pakatan Kebangsaan Abandon Biden, masa telah tamat untuk Biden, walaupun dia mengumumkan genjatan senjata pada masa akan datang, ia sudah terlambat, dan kempen #AbandonBiden untuk memastikan kekalannya tetap akan terus berlangsung.¹²

Daripada hal ini, kita melihat bagaimana politik domestik Amerika Syarikat berubah apabila Israel meneruskan kempen pembersihan etniknya di Gaza. Jika selama ini politik di Amerika Syarikat dikuasai kumpulan lobi zionis seperti AIPAC, kini kita melihat kesan dari perang yang dilancarkan Israel, suara-suara masyarakat Muslim di Amerika Syarikat mula melancarkan jentera yang tersusun bagi memecahkan dominasi zionis. Tekanan dari kempen #AbandonBiden ini akan memberi kesan langsung terhadap Parti Demokrat yang sedang memerintah Amerika Syarikat. Tekanan domestik seperti inilah sebenarnya yang mengubah reaksi dan retorik golongan penguasa di Amerika Syarikat. Dan perubahan-perubahan ini sebenarnya merupakan riak-riak kecil, yang menandakan bahawa ombak besar bakal tiba. Ombak ini bakal mengubah lanskap politik Amerika Syarikat seterusnya mengubah corak hubungan luarnya dengan Israel. Semakin hari, sebenarnya, peluang Israel untuk mengekalkan penjajahan dan dasar rasis apartheid mereka semakin mengecil. Hal ini akhirnya akan membawa kepada pembukaan jalan ke arah pembebasan Palestin.

Canary Mission dan Kempen Anti Zionist Hate

Selain kempen #AbandonBiden yang bersifat politikal dan kebangsaan, terhadap kempen-kempen kecil lain yang tumbuh secara organik untuk melawan organ-organ zionis yang menekan aktivis Palestin. Sebahagiannya merupakan reaksi balas terhadap intimidasi golongan zionis. Antara teknik yang dilakukan oleh Israel bagi mengekang sebarang kritikan yang dilemparkan kepada jenayah perang dan apartheid yang dilakukannya adalah dengan menyerang dan memfitnah sesiapa sahaja yang berani mengkritiknya. Teknik yang digunakan adalah dengan menubuhkan satu laman web *anonymous* yang mendokumentasikan aktivis Palestin dengan tuduhan-tuduhan palsu seperti rasisme dan anti-semitisme. Laman web ini diberi nama Canary Mission.¹³ Tujuan utama dokumentasi ini dilakukan adalah sebagai satu bentuk intimidasi kepada aktivis Palestin untuk merosakkan nama mereka agar mereka tidak mendapat tempat dalam masyarakat, dibuang dari institusi pengajian atau pekerjaan. Target mereka adalah pelajar, professor, dan juga individu berkerjaya yang mengkritik polisi jenayah Israel.

Canary Mission dimiliki oleh Howard Davis Sterling yang merupakan seorang peguam yang menyokong Israel. Menurut Al Jazeera, ia mendapat dana dari Adam Milstein dan juga persatuan pro-Israel seperti Helen Diller Family Foundation dan Jewish Community Foundation of Los Angeles.¹⁴ Canary Mission sangat berhati-hati dalam memadam segala jejak digital mereka untuk memastikan penderma dan staf mereka tidak berjaya dijejaki. Menurut Josh Nathan-Kazis, Canary Mission dioperasikan oleh badan yang dipanggil sebagai Megamot Shalom, yang merupakan badan yang membantu menyalurkan duit cukai rakyat Amerika Syarikat kepada organisasi ekstrimis di Israel. Antara individu yang terlibat di belakang Megamot Shalom termasuklah Jonathan Bash dan Zahava Raymond, Zahava dikenal pasti pernah bekerja dengan organisasi pro-Israel.¹⁵ Walaupun ia cuba

¹² Umar A Farooq. "Muslim leaders in key US swing states launch 'Abandon Biden' campaign for 2024 election". *Middle East Eye*, 04 Disember 2023. Pautan: <https://www.middleeasteye.net/news/muslim-leaders-key-us-swing-states-launch-abandon-biden-campaign-2024-election>

¹³ Menurut laman web Canary Mission mereka mahu mendokumentasikan kebencian yang dilakukan oleh aktivis anti-Israel. Mereka juga mengatakan bahawa kempen Boycott, Divestment, and Sanction yang ditujukan kepada Israel sebagai anti-semitik. Rujuk web mereka di pautan: <https://canarymission.org/about>

¹⁴ Untuk mengelakkan tindak balas, Canary Mission melakukan kerja fitnahnya secara *anonymous*, ia bergerak di belakang tabir dengan menyerang dan membuli aktivis-aktivis Palestin. Rujuk Alice Rothchild. "Cyber Bullies at Canary Mission Muzzle Free Speech". Washington Report on Middle East Affairs, 06 Disember 2019. Pautan: <https://www.wrmea.org/2020-january-february/cyber-bullies-at-canary-mission-muzzle-free-speech.html>

¹⁵ Walaupun Canary Mission cuba untuk merahsiakan organisasinya di belakang tabir. Terdapat usaha-usaha untuk menjejaki identiti mereka. Rujuk siasatan yang dibuat oleh Josh Nathan-Kazis. "REVEALED: Canary Mission Blacklist Is Secretly Bankrolled By Major Jewish Federation". Forward, 03 Oktober 2018. Pautan: <https://forward.com/news/411355/revealed-canary-mission-blacklist-is-secretly-bankrolled-by-major-jewish/>

bergerak secara rahsia, berdasarkan siasatan sedia ada, Canary Mission dapat dikatakan sebagai organisasi yang dibiayai oleh organisasi yahudi yang mempunyai kaitan dengan Israel.

Respon kepada Canary Mission kebanyakannya bersifat defensif. Erwin Chemerinsky yang merupakan dekan Sekolah Undang-Undang, Universiti Berkeley menyifatkan Canary Mission sebagai laman web ekstrimis dan tidak patut digunakan dalam proses pemilihan individu dalam sektor pekerjaan.¹⁶ Namun selepas perang pembersihan etnik yang dilakukan oleh Israel pada Oktober 2023, respon terhadap kumpulan seperti Canary Mission telah berubah kepada ofensif.

Pada November 2023, sebuah akaun di laman Twitter (yang kini dikenali sebagai X) muncul dengan menggunakan taktik yang sama seperti Canary Mission, ia adalah respon kepada sebuah akaun lain yang kerap menyerang aktivis Palestin dengan memusnahkan kareer mereka. Akaun ini bernama Stop Zionist Hate, ia merupakan akaun untuk melawan akaun Stop Antisemites di Twitter. Namun cubaan mencari akaun Stop Antisemites tidak berjaya pada 06 Disember 2023, besar kemungkinan ia sudah dipadamkan. Stop Zionist Hate menurut kenyataannya pada 13 November 2023 telah berjaya menyerang beberapa orang zionis dan menyebabkan mereka dibuang kerja.¹⁷ Di sini kita melihat perang yang berlaku di Gaza bukan sekadar mengubah dinamik di peringkat nasional. Selain kempen-kempen yang berbentuk politik, rakyat Amerika Syarikat kini turut menubuhkan kumpulan perjuangan yang lebih kecil, yang bersifat organik, untuk melawan organ-organ zionis terutamanya di dalam talian. Ini semua merupakan bentuk tekanan yang apabila dikumpulkan, akan memberi satu tekanan yang signifikan terhadap penyokong Israel yang duduk di kerusi politik serta lobi utama mereka iaitu AIPAC.

Kesimpulan

Melalui analisa ini, dapatlah kita perhatikan bagaimana perang pembersihan etnik oleh Israel terhadap penduduk Gaza di Palestin pada Oktober 2023 sedang mengubah corak politik domestik Amerika Syarikat. Kita melihat kempen-kempen yang bersifat nasional sudah tumbuh dan menjadi penggerak suasana politik dalaman yang akan lebih memihak kepada Palestin. Selain itu tumbuh juga kumpulan-kumpulan kecil organik yang bangun menentang organ-organ zionis. Perubahan ini, walaupun dilihat masih kecil, sebenarnya sangat signifikan dan mampu menjadi kuasa politik yang lebih besar. Ia akan membuka ruang untuk memecahkan dominasi lobi zionis di Amerika Syarikat yang dipelopori oleh AIPAC. Kehilangan sokongan Amerika Syarikat akan menatijahkan berakhirnya kolonialisme terakhir yang masih wujud di dunia, iaitu penguasaan kolonial zionis di Palestin. Jenayah-jenayah yang dilakukan oleh zionis Israel sebenarnya tidak akan bertahan lama, malah dari perkaitan yang telah kita lihat, ia sebenarnya perlahan-lahan menyatukan komuniti dunia, melahirkan gerakan penentangan yang semakin lama semakin meningkat maju dan tersusun. Semua ini akhirnya akan menyumbang kepada pembebasan sepenuhnya Palestin dari penjajahan, kolonialisme, dan apartheid.

¹⁶ Surat yang ditulis oleh Erwin Chemerinsky kepada komuniti undang-undang. Rujuk "Dean's Statement: Condemning Canary Mission". Berkeley Law, 01 Jun 2023. Pautan: <https://www.law.berkeley.edu/article/deans-statement-canary-mission/>

¹⁷ Akaun Twitter Stop Zionist Hate boleh dirujuk di pautan <https://twitter.com/StopZionistHate>. Manakala kenyataan mereka berjaya menyerang zionis dan melawan akaun Stop Antisemites boleh dirujuk di pautan <https://twitter.com/StopZionistHate/status/1723847691363377455>

Bibliografi

2023. "2023 Military Strength Ranking." *Global Fire Power Index*. <https://www.globalfirepower.com/countries-listing.php>.
2023. "Anthony Blinken 3rd most influential Jew in the World, Zelensky dropped from the list." *Helsinki Times*. Oktober 26 . <https://www.helsinkitimes.fi/world-int/24380-anthony-blinken-3rd-most-influential-jew-in-the-world-zelensky-dropped-from-the-list.html>.
- Anzalone, Kyle. 2023. "US Sent Israel 15,000 Bombs Since October 7." *Anti War*. Disember 1. <https://news.antiwar.com/2023/12/01/us-sent-israel-15000-bombs-since-october-7/> .
- n.d. *Canary Mission*. Accessed Disember 6, 2023. <https://canarymission.org/about>.
- Chemerinsky, Erwin. 2023. "Dean's Statement: Condemning Canary Mission." *Berkeley Law*. Jun 1. <https://www.law.berkeley.edu/article/deans-statement-canary-mission/> .
- Irwin, Lauren. 2023. "Israel risks 'strategic defeat' if civilians aren't protected, Pentagon chief says." *The Hill*. Disember 2. <https://thehill.com/policy/defense/4339335-lloyd-austin-israel-risks-defeat-if-civilians-not-protected/> .
- Kiczma, Łukasz , and Sulek Mirosław. 2020. "National power rankings of countries 2020." *Oficyna Wydawnicza ASPRA-JR*.
- Nathan-Kazis, Josh. 2018. "REVEALED: Canary Mission Blacklist Is Secretly Bankrolled By Major Jewish Federation." *Forward*. Oktober 3. <https://forward.com/news/411355/revealed-canary-mission-blacklist-is-secretly-bankrolled-by-major-jewish/> .
- O'Donoghue, Saskia. 2023. "Israel-Hamas war: Death toll surpasses 15,000 and new truce deemed 'unlikely' as talks break down." *Euro News*. Disember 2. <https://www.euronews.com/2023/12/02/israel-hamas-war-israeli-bombing-of-gaza-intensifies-as-truce-comes-to-an-end> .
- Pappe, Ilan. 2006. *The Ethnic Cleansing of Palestine*. Oneworld Publications.
- Rothchild, Alice. 2019. "Cyber Bullies at Canary Mission Muzzle Free Speech." *Washington Report on Middle East Affairs*. Disember 06. <https://www.wrmea.org/2020-january-february/cyber-bullies-at-canary-mission-muzzle-free-speech.html> .
- n.d. "Stop Zionist Hate." *Twitter*. Accessed Disember 6, 2023. <https://twitter.com/StopZionistHate>.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Josh Paul Meletakkan Jawatan Kerana Tidak Mahu Amerika Syarikat Menghantar Senjata Ke Israel Bagi Membunuh Rakyat Gaza." *Isu Semasa*.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Kesan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Israel Pada Perang Oktober 2023 Di Gaza Terhadap Hubungan Diplomatiknya Dengan Negara-Negara Lain." *Kajian Hubungan Antarabangsa*.
- Umar A Farooq. 2023. "Muslim leaders in key US swing states launch 'Abandon Biden' campaign for 2024 election." *Middle East Eye*. Disember 4. <https://www.middleeasteye.net/news/muslim-leaders-key-us-swing-states-launch-abandon-biden-campaign-2024-election> .
- Ward, Myah. 2023. "Swing-state Muslim leaders launch campaign to 'abandon' Biden in 2024." *Politico*. Disember 02 . <https://www.politico.com/news/2023/12/02/swing-state-muslim-leaders-biden-00129758> .